

24 APR 1996

PBS-Pindaan

TARIK BALIK PINDAAN UNDANG-UNDANG NEGERI, KATA PBS

KOTA KINABALU, 24 April (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) hari ini menyeru kerajaan Barisan Nasional (BN) Sabah supaya menarik balik cadangannya untuk meminda pelbagai undang-undang negeri bertujuan mengagihkan sebahagian kuasa Ketua Menteri kepada Kabinet negeri.

Timbalan Presiden Dr Maximus Ongkili hari ini berkata, undang-undang tidak harus dipinda hanya bagi menyelesaikan masalah politik negeri.

"Kita berpendapat persidangan Dewan Undangan Negeri untuk meminda pelbagai undang-undang negeri, bukan sahaja perlu ditunda tetapi juga BN Sabah perlu menarik balik cadangan pindaan itu," kata beliau apabila dihubungi.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai penundaan persidangan itu ke 17 dan 18 Jun depan, untuk membentangkan usul bagi meminda Akta Enakmen Hutan 1968, Ordinan Tanah (Bab 69), Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963.

Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak apabila mengumumkan penundaan itu selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet berkata ia perlu untuk memberi anggota Dewan Undangan Negeri BN lebih banyak masa untuk mengkaji cadangan itu.

Persidangan dua hari itu sepatutnya bemula esok.

Semasa mesyuarat pra majlis BN yang diadakan Ahad lepas, kebanyakan anggota Dewan Undangan Negeri difahamkan membantah cadangan pindaan itu.

Salleh berkata, walaupun pindaan itu mungkin diubah sedikit, prinsip dan falsafah di sebalik langkah itu akan dikekalkan untuk memperkukuhkan sistem Kabinet.

Dr Ongkili berkata PBS sehingga ini telah membantah sebarang percubaan untuk meminda undang-undang negeri dan hakikatnya kebanyakan anggota dewan undangan negeri BN di Sabah tidak setuju dengan cadangan pindaan itu menunjukkan pendirian parti itu memang benar.

"Penundaan persidangan itu adalah tepat pada masanya dan jika ada sebarang masalah kerana cadangan pindaan itu, BN harus kembali kepada rakyat dengan membubarkan Dewan Undangan Negeri untuk membuka jalan bagi pilihan raya," kata beliau.

Pindaan itu dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkata kuasa pada Ketua Menteri Sabah adalah terlalu banyak berbanding dengan Ketua Menteri ataupun Menteri Besar negeri-negeri lain.

-- BERNAMA

JS PR